

# Kedah dibenar tukar status kawasan tanah sawah

**Baling:** Kerajaan Persekutuan akhirnya membenarkan permintaan Kedah menukar status kawasan tanaman padi berdekatan bandar utama kepada zon industri, komersial dan perumahan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kelulusan itu diberikan selepas beliau menyampaikan hasrat kerajaan Kedah itu kepada jemaah menteri yang kemudian dipersetujui.

Jelasnya, Kedah dibenarkan menebus guna kawasan tanaman padi terutama sekitar Alor Setar, bagi ditukar statusnya bagi melaksanakan projek pembangunan yang memberi manfaat jangka panjang.

“Apabila kita berunding dengan kerajaan negeri, mereka sedia jaga kawasan Jelapang Padi yang membekalkan beras kepada negara, tapi bagaimana pula ka-

wasan Alor Setar yang juga mahu berkembang?

“Alor Setar perlu berkembang dan perlu ada pembangunan lain, kena ada kawasan industri dan perumahan. Jadi saya bawa pandangan ini dan jemaah menteri bersetuju untuk kita perluaskan sedikit Alor Setar.

“Jadi kita kurangkan sedikit kawasan tanaman padi sekitar Alor Setar bagi memastikan keperluan Kedah untuk industri, perumahan dan komersial dapat dijamin,” katanya ketika merasmikan Program MADANI Rakyat di Dewan Tunku Abdul Rahman di sini, semalam.

Sebelum ini, Kedah tidak dapat membangunkan kawasan tanaman padi, terutama yang menjadi Jelapang Padi berikutan ia perlu diusahakan dengan sawah padi yang menjadi sebahagian program keselamatan dan keter-

jaminan makanan.

Berikutan itu, langkah berkenaan didakwa menjadi punca kerajaan negeri gagal membangunkan Kedah apabila kawasan industri dan komersial baharu tidak dapat dilaksanakan.

## Bukti Kedah tak dipinggir

Mengulas lanjut, **Anwar** berkata, usaha berterusan Kerajaan Persekutuan membantu Kedah membuktikan beliau tidak pernah meminggirkan negeri berkenaan.

Katanya, malah peruntukkan Kerajaan Persekutuan untuk Kedah juga meningkat setiap tahun bagi memastikan kesejahteraan rakyat bersama.

“Sebab itu peruntukan untuk pembangunan dan pengurusan Kedah bertambah jauh lebih besar berbanding 2021 sebanyak RM7 bilion kepada RM9.6 bilion

pada tahun ini.

“Saya tahu ini keperluan untuk orang Kedah, tebatan banjir misalnya perlu dibuat. Kita juga perlu hasil tanaman padi Kedah, bila periksa kena ada RM5 bilion lebih lengkapkan infrastruktur, jadi kita mula luluskan RM1 bilion dahulu dan ada kemajuan,” katanya.

Dalam ucapan sama, Anwar mengimbau kembali kenangan peribadinya terbabit dalam Demonstrasi Baling pada 1974 ketika memperjuangkan nasib penduduk miskin daerah ini bersama mahasiswa.

Perdana Menteri menyatakan yang peristiwa di Baling lebih 50 tahun lalu itu memberi beliau banyak pengalaman dan pengajaran dalam perjalanan karier politiknya sehingga kepada kedudukan sekarang.

Jelasnya, pengajaran paling

penting dalam peristiwa itu adalah pemimpin perlu melakukan yang terbaik untuk rakyat ketika ada mempunyai masa serta kuasa yang diperoleh.

“Apabila diberitahu akan ke Baling, saya nyatakan memang minat untuk hadir kerana ada sejarah tersendiri, sebab itu terima kasih kepada kawan-kawan yang masih ingat segar terlibat dalam peristiwa Baling 1974 itu.

“Beberapa tahun sebelum 1974 ini, Tun Abdul Razak (bekas Perdana Menteri) luncurkan Dasar Ekonomi Baru untuk menjamin kemaslahatan rakyat melalui kaedah serampang dua mata, termasuk usaha pembasmian kemiskinan tanpa kira kaum.

“Namun, muncul masalah kemiskinan ketara akibat kejatuhan mendadak harga getah, pekebun kecil hidup dalam keadaan sengsara,” katanya.